**Bahagian A**

[20 markah]

- al-Azim
- al-Hakim
- al-Karim
- al-Muntaqim

1 Nama-nama di atas merujuk

A uluhiyyah

B rububiyyah

C asmaul husna

D asma'wa sifat

2 Menurut al-Quran, kejadian manusia bermula daripada penciptaan

A roh

B tanah

C Air mani.

D Nabi Adam a.s

3 Berikut adalah tujuan mengetahui ciri-ciri wahyu **kecuali**

A menolak ajaran sesat.

B menangkis dakwaan nabi palsu.

C meyakini kebenaran wahyu adalah mutlak.

D mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

4 Antara yang berikut yang manakah fungsi akal kepada manusia?

I Merenung kebesaran Allah.
II Merancang memajukan alam.
III Membezakan perkara hak dan batil.
IV Memikirkan tentang zat Allah SWT.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

| “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.” (Surah Ali Imran : 19) |
|---|

5 Ayat di atas menunjukkan Islam sebagai

A Ad-Din
B Al-Kitab
C Al-Quran
D Al-Kalam

| **Perkara luar biasa** | **Maunah** | **X** |
|---|---|---|
| Contoh | Abu terlibat dalam suatu kemalangan yang dahsyat namun dia terselamat. | Awan melindungi Rasulullah SAW ketika pergi berniaga bersama bapa saudara baginda. |

6 Ruangan X di atas merujuk

A irhas
B istidraj
C mukjizat
D karamah

7 Antara berikut yang manakah keistimewaan wahyu al-Quran?

I Terjamin daripada perubahan.
II Diturunkan melalui malaikat jibril.
III Menjawab semua permasalahan manusia.
IV Tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab lain.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

8 Antara bukti Islam bersifat ‘alamiyyah dalam bidang sosial ialah

A setiap amalan akan diberi balasan.
B membela kebenaran dan menentang kebatilan.
C setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya.
D kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing.

9 Yang manakah antara pernyataan berikut menerangkan cara menangani budaya asing?

I Memutuskan hubungan dengan orang asing.
II Menjadikan Islam sebagai cara hidup .
III Mengamalkan cara hidup yang sihat.
IV Menolak ilmu keduniaan.

A I dan II
B III dan IV
C II dan III
D I dan IV

10 Islam agama yang syumul meliputi dunia dan akhirat.
Fahaman yang memisahkan kedua-duanya ialah

A sosialisme
B kapitalisme
C sekularisme
D materialisme

11 Pilih pernyataan yang **salah** berdasarkan pernyataan di bawah mengenai tanggungjawab manusia dan contohnya.

| | **Tanggungjawab manusia** | **Contoh** |
|---|---|---|
| A | Terhadap Allah SWT | Melaksanakan segala perintahNya |
| B | Terhadap makhluk | Memanfaatkan segala isi alam |
| C | Terhadap keluarga | Menyediakan kemudahan awam |
| D | Terhadap masyarakat | Mengawasi tingkah laku pelajar |




12 Berdasarkan rajah di atas **X** ialah

A keadilan
B kesaksian
C perbicaraan
D pemerhatian

13 Contoh pencarian harta yang haram menurut Islam ialah

A menjual baja dari najis lembu.
B menjual organ manusia.
C menjual pil kesihatan.
D menjual kulit buaya.

| **Hukum** | **Pengertian** |
|---|---|
| **X** | Perintah Allah SWT yang mesti dilaksanakan. |
| Sunat | Perkara yang digalakkan untuk dilakukan. |

14 Berdasarkan jadual di atas, **X** ialah

A wajib
B harus
C haram
D makruh




15 Jenis-jenis muamalah di atas mendorong manusia

I saling berhubung antara satu sama lain.
II saling berkenalan antara satu sama lain.
III saling bermaaf-maafan antara satu sama lain.
IV saling bantu-membantu antara satu sama lain.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

16 Antara yang berikut yang manakah implikasi larangan pencerobohan harta?

A Kehidupan orang miskin tidak terbela.
B Masyarakat bebas memiliki harta tanpa batas.
C Bimbang keselamatan harta diceroboh oleh pihak lain.
D Perpaduan dalam anggota masyarakat bertambah erat.

17 Matlamat bekerja menurut Islam ialah

A mematuhi arahan ketua.
B membangunkan ekonomi diri.
C meningkatkan kepentingan awam.
D menzahirkan keikhlasan kerana Allah SWT.

| |
|---|
| Bangsa yang ketinggalan dalam pendidikan akan mundur. |

18 Antara yang berikut yang manakah cara penyelesaian masalah ketinggalan pendidikan melalui syariat?

A Menyebarkan ilmu kepada orang tertentu.
B Mewajibkan umatnya menuntut ilmu.
C Berdedikasi dalam menuntut ilmu.
D Menghormati orang yang berilmu.

19 Antara yang berikut yang manakah cara menghindari masalah 'menghidu gam' dalam kalangan remaja?

A Mengelakkan diri daripada terlibat dengan rakan sebaya.
B Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti.
C Mengenakan tindakan tegas.
D Menghayati ajaran agama.

20 Antara berikut yang manakah matlamat penyelesaian masalah terhadap individu?

I Memberikan ketenangan jiwa dalam kehidupan.
II Menambahkan keimanan kepada Allah SWT.
III Menegakkan keadilan dalam semua aspek.
IV Mengukuhkan semangat perpaduan.

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

## Bahagian B

[20 markah]

**Soalan 21 hingga 24**

*Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan .*

21 Setelah amalan baik dan jahat dibacakan, amalan tersebut ditimbang untuk menentukan ke arah mana mereka akan ditempatkan, iaitu sama ada ke syurga atau ke neraka. 1

22 Agama Islam lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat. 1

23 Perkara yang digalakkan untuk ditinggalkan. Jika ditinggalkan mendapat pahala, tetapi jika dilakukan tidak mendapat sebarang dosa. 1

24 Perkara yang diberikan kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkannya, tanpa dikenakan sebarang pembalasan. 1

**Soalan 25 hingga 28**

*Lengkapkan pernyataan berikut .*

25 ____________ ialah berserah diri kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.

26 Hukum jenayah yang telah disebutkan dalam al-Quran dan al-Hadis yang meliputi hukum qisas,_________ dan takzir tidak boleh ditambah atau dikurangkan pelaksanaan hukumnya. 1

27 Menuntut ilmu dan bekerja termasuk dalam ibadat _____________. 1

28 Hukuman hudud bagi peminum arak ialah dikenakan _________ sebatan. 1

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**Soalan 29 dan 30 berdasarkan jadual A dibawah.**

**Pembahagian Ilmu**

| P | Q |
|---|---|
| Ilmu yang berkaiatan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap umat Islam seperti ilmu akidah dan akhlak. | Ilmu yang berkaitan dengan kepentingan kehidupan di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam seperti ilmu kedoktoran dan seni bina. |

**Jadual A**

29 **P** ialah ________________________________ 1

30 **Q** ialah ________________________________ 1

**Soalan 31 dan soalan 32 berdasarkan jadual B dibawah**

**Jenis-jenis Muamalah Islam**

| Jawapan | Pernyataan |
|---|---|
| **R** | Pelabur memberi modal kepada orang tertentu untuk diperniagakan dan keuntungannya dibahagi dua atau sebahagiannya menurut perjanjian yang telah dipersetujui bersama semasa akad. |
| Al-Ijarah | Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu. |
| **S** | Gabungan ahli masyarakat untuk saling menolong untuk meringankan beban orang perseorangan dan menjauhi kerosakan yang menyusahkan. |

**Jadual B**

31 **R** ialah __________________________ 1

32 **S** ialah__________________________ 1

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**[Lihat halaman sebelah**

**Soalan 33 hingga 34 berdasarkan carta di bawah**

**Bahagian harta**

**T** | **U**







33 **T** ialah ________________________ 1

34 **U** ialah ________________________ 1

**Soalan 35 dan 36 berdasarkan rajah di bawah:**

**Tanggungjawab terhadap alam**

**V**

- Mengawal penebangan hutan.
- Merancang kawasan pembangunan.

**W**

- Menimbus semula kawasan. lombong yang telah ditinggalkan
- Membersihkan sungai.

35 **V** ialah ________________________ 1

1

36 **W** ialah _______________________

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**Soalan 37 hingga soalan 40**

Tandakan (/) pada penyataan yang betul.
Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.

37 Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhamad SAW melalui malaikat Jibril untuk disampaikan kepada umat manusia. 1

38 Anak yatim adalah salah satu golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat. 1

39 Diantara ciri-ciri muamalah Islam ialah redha antara kedua-dua belah pihak. 1

40 Kelahiran agama langit tidak ditentukan waktunya. 1

**KERTAS SOALAN TAMAT**

| **MARKAH BAHAGIAN B** |
|---|
| |